



MSM rancang hidupkan semula perladangan tebu

Ekonomi - Dicipta: 12 Mei 2025 12:39 PM



FOTO HIASAN / BERNAMA

KUALA LUMPUR, 12 Mei- Pengeluar gula bertapis utama negara, MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) berhasrat memulakan semula perladangan tebu di dalam negara untuk mengurangkan kebergantungan sepenuhnya kepada gula mentah import.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata langkah itu dapat membantu pihaknya dalam menghadapi risiko global yang semakin meningkat seperti perubahan iklim, ketegangan geopolitik dan gangguan rantai bekalan.

"Ya, MSM bergantung 100 peratus kepada gula mentah import, tapi (akan mengurangkannya) pada masa hadapan, insyaAllah. MSM sedang membuat kajian untuk memulakan semula perladangan tebu di Malaysia," katanya dalam program 'Bual Bisnes' Bernama TV yang disiarkan pada Sabtu.

Beliau berkata Sarawak dan negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia dikenal pasti sesuai untuk perladangan tebu dalam skala lebih besar.

MSM pernah mengusahakan seluas kira-kira 4,000 hektar ladang tebu di Chuping, Perlis sejak 1970-an namun kegiatan itu dihentikan kerana skala tersebut tidak ekonomik, katanya.

Syed Feizal berkata di samping itu, syarikat itu juga sedang meneroka potensi gula alternatif seperti gula nira yang berasaskan palma, dalam usaha mengurangkan kebergantungan semata-mata kepada tebu.

Langkah itu berpotensi memenuhi keperluan pengguna dan cita rasa rantau Asia Pasifik, katanya.

“Di Eropah, mereka menggunakan ubi bit sebagai sumber bahan mentah alternatif, tapi, ini tidak bersesuaian dengan cita rasa bagi pasaran di rantau ini.

“Kami mungkin membuat kajian mengenai gula nira seperti daripada kelapa nipah dan lain-lain. Mungkin bukan berskala besar, tapi insya-Allah dapat memenuhi cita rasa pengguna yang gemar kepada rasa gula nira,” katanya.

Beliau berkata sumber bahan mentah alternatif merupakan sebahagian daripada strategi jangka masa panjang pihaknya untuk meningkatkan daya tahan rantaian bekalan serta menyesuaikan dengan trend pasaran yang berubah-berubah.- BERNAMA

HEADLINE	MSM rancang hidupkan semula perladangan tebu
MEDIA	Berita RTM - Online
DATE	12 May 2025, 12:39pm
BY	-
LINK	https://berita.rtm.gov.my/ekonomi/senarai-berita-ekonomi/senarai-artikel/msm-rancang-hidupkan-semula-perladangan-tebu